

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Okttober 2004

**PGM 362 – Undang-Undang dan Peraturan Sekolah**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Mengikut Akta Pendidikan 1996 (Seksyen 84 dan 87) Ketua Pendaftar dan Guru mempunyai kuasa untuk tidak mendaftar sesebuah institusi pendidikan dan boleh pula membatalkan pendaftaranannya. Huraikan kenyataan ini dengan memberi alasan-alasan dan contoh-contoh yang sesuai.  
(25 markah)
  
2. Nyatakan perbezaan dan persamaan antara kaedah-kaedah PIBG 1998 dengan PIBG 1973. Bincangkan rasional persamaan dan perbezaan tersebut.  
(25 markah)
  
3. Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menubuhkan persatuan sekolah. Sejauhmanakah kehendak-kehendak tersebut dilaksanakan di sekolah-sekolah?  
(25 markah)
  
4. Huraikan peraturan-peraturan mengenai keselamatan dan kesihatan pelajar di sekolah. Adakah peraturan-peraturan tersebut memadai dan sejauhmanakah peraturan-peraturan tersebut dipatuhi?  
(25 markah)
  
5.
  - a) Nyatakan jenis-jenis bantuan kewangan yang boleh diperolehi oleh sekolah.
  - b) Huraikan perbezaan antara sekolah kerajaan dengan sekolah bantuan kerajaan dari segi kelayakan untuk mendapat bantuan kewangan.
  - c) Berikan LIMA (5) sebab perbezaan tersebut.  
(25 markah)